

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



PROGRAM

Lambaian Kasih Fautan Budi

(Sempena Persaraan Pensyarah FPP)

Nur Shafini Mohd Said, Ruzaidah Sulong @ A. Rashid, Wan Zuhaila Wan Abdul Rahman,
Azian Abd. Ghani & Kartini Mat Rashid
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Majlis Persaraan Pensyarah adalah aktiviti yang sering dijalankan oleh BizClub apabila terdapat pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) yang akan menamatkan perkhidmatan mereka. Melalui aktiviti ini, ia menunjukkan warga FPP menghargai perkhidmatan mereka di FPP khususnya dan UiTM Cawangan Terengganu secara amnya. Program ini melibatkan seluruh ahli Fakulti Pengurusan dan Perniagaan iaitu seramai 73 orang.

Tujuan Majlis Persaraan Pensyarah ini diadakan adalah untuk:

- Meraikan pensyarah FPP yang akan bersara.
- Menghargai khidmat mantan KPP dan KF
- Mengeratkan hubungan silaturrahim sesama ahli FPP.
- Melaksanakan salah satu aktiviti yang telah dirancang oleh BizClub.

Justeru itu, pihak BizClub telah menganjurkan program tersebut. Program secara maya yang julung kali diadakan ini adalah seperti berikut:

Tarikh/Hari: 15 September 2021/ Rabu

- Waktu: 10 pagi -12 tengah hari
- Platform: Google Meet

Mereka yang diraikan sempena persaraan adalah PM Ismail Hassan, Dr. Md Noh Ab Majid, Puan Muhazita Alias, Dr. Fatimah Zainab Dzulkifli, Puan Che Wan Khalidawaty Khalid dan Puan NorChahaya Johar.

Pihak BizClub mengucapkan ribuan terima kasih kepada Warga FPP yang telah memberikan sokongan yang padu kepada program ini. Diharap pada masa akan datang program sebegini akan dapat dijalankan lagi.






Photo by Potina Kuzovkova on Unsplash